

## KHUTBAH JUMAAT

“GURU PEMACU HIKMAH, BELIA PEWARIS UMMAH”  
(15 Mei 2026M/ 27 Zulkaedah 1447H)

---

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

يُؤْتِي الْحِكْمَةَ مَنْ يَشَاءُ ۚ وَمَنْ يُؤْتَ الْحِكْمَةَ فَقَدْ أُوتِيَ خَيْرًا كَثِيرًا ۗ وَمَا يَذَّكَّرُ إِلَّا أُولُو الْأَلْبَابِ (٢٦٩)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

**Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan sebenar-benar takwa. Sesungguhnya takwa menjadi benteng utama dalam kehidupan kita, takwa berupaya mengawal hati, akal, dan perbuatan agar sentiasa berada di landasan yang diredai Allah.

Sebelum bicara diteruskan, khatib ingin mengingatkan diri ini dan seluruh jemaah, jauhilah perkara-perkara yang sia-sia semasa khutbah disampaikan, jangan leka dengan telefon bimbit, elakkan bercakap-cakap atau tertidur dengan sengaja. Dengarlah khutbah

dengan penuh tumpuan kerana setiap nasihat yang diberikan adalah untuk manfaat kita bersama. Pada hari yang mulia ini, khatib mengajak para jemaah sekalian menghayati satu tema penting dalam pembinaan insan dan masa depan negara, iaitu “**Guru Pemacu Hikmah, Belia Pewaris Ummah**”.

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Guru merupakan insan yang amat mulia dalam kehidupan kita. Mereka bukan sekadar penyampai maklumat atau pengajar subjek di dalam bilik darjah, tetapi mereka adalah 'Murabbi' – pendidik jiwa dan pembentuk sahsiah. Seorang guru yang berjiwa besar akan melihat anak didiknya bukan sekadar sebagai pelajar, tetapi sebagai amanah Allah *subhanahu wata'ala* yang perlu dicorakkan dengan iman dan amal soleh.

Pendidikan adalah tunjang utama dalam membina sesebuah tamadun. Tanpa guru, ilmu akan terputus sanadnya, dan tanpa bimbingan, akal manusia boleh tersesat dalam lautan maklumat yang tidak bertepi. Daripada Saidatina Aishah *radiallahu anha* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

(( إِنَّ الرِّفْقَ لَا يَكُونُ فِي شَيْءٍ إِلَّا زَانَهُ وَلَا يُنْزَعُ مِنْ شَيْءٍ إِلَّا شَانَهُ ))

**Maksudnya:** *Sesungguhnya kelembutan (kasih sayang/sikap lemah lembut) tidaklah ada pada sesuatu melainkan ia akan menghiasinya (menjadikannya indah), dan tidaklah kelembutan itu dicabut dari sesuatu melainkan akan menjadikannya buruk/cacat.*

(Hadis riwayat Imam Muslim)

Ini membuktikan bahawa antara intipati utama pendidikan adalah pembentukan akhlak.

Belia pula adalah aset terpenting negara. Mereka adalah tenaga penggerak yang bakal mewarisi kepimpinan pada masa hadapan. Jika belia kita hari ini dididik dengan nilai-nilai murni, maka masa depan negara kita akan cerah. Namun, jika belia kita dibiarkan hanyut dalam arus kemodenan yang melampau tanpa pegangan agama, maka runtuhlah masa depan ummah.

Islam amat menitikberatkan peranan pemuda. Lihatlah bagaimana sejarah mencatatkan kehebatan pemuda seperti Saidina Ali bin Abi Talib, Usamah bin Zaid, dan Mus'ab bin Umair *radiallahu anhum*. Mereka adalah tokoh belia yang mempunyai integriti, keberanian, dan ilmu yang mendalam. Mereka tidak hanya belajar untuk diri sendiri, tetapi belajar untuk memberi manfaat kepada masyarakat sekeliling.

Sinergi antara guru dan belia adalah kunci utama dalam membina Insan Sejahtera iaitu individu yang seimbang dari sudut jasmani, emosi, rohani, dan intelek. Sejahtera bukan bermaksud kaya harta semata-mata, tetapi sejahtera adalah apabila hati tenang dengan zikrullah, akal cerdas dengan ilmu, dan tubuh badan cergas dengan amal.

Guru berperanan menyemai benih-benih kesejahteraan ini. Di sekolah, guru mengajar adab sebelum ilmu. Sebabnya, ilmu tanpa adab hanya akan melahirkan insan yang sombong dan tamak.

Manakala adab tanpa ilmu akan melahirkan insan yang mudah ditipu. Maka, gabungan kedua-duanya di bawah bimbingan guru yang ikhlas akan melahirkan belia yang berwibawa.

Cabaran dunia hari ini amat hebat. Belia kita berhadapan dengan serangan pemikiran melalui media sosial, pengaruh budaya kuning, dan krisis identiti. Di sinilah letaknya kebijaksanaan seorang guru untuk menjadi rakan pembimbing atau 'mentor' kepada belia. Guru perlu mendekati belia dengan penuh kasih sayang, memahami kegelisahan mereka, dan memberikan solusi berlandaskan al-Quran dan Sunnah.

Pihak kerajaan, ibu bapa, dan masyarakat juga perlu menyokong usaha guru. Kita tidak boleh meletakkan beban mendidik belia di bahu guru semata-mata. Pendidikan bermula dari rumah. Apabila ibu bapa bekerjasama dengan guru, proses pembentukan insan sejahtera akan menjadi lebih lancar dan berkesan.

Selain itu, belia juga perlu mempunyai kesedaran diri. Wahai para belia, hargailah jasa guru-guru kalian. Rendahkanlah sayap kehinaan di hadapan mereka, kerana keberkatan ilmu itu terletak pada keredaan seorang guru. Janganlah sekali-kali kita menyakiti hati mereka atau memperlekehkan ilmu yang mereka sampaikan. Daripada Ubadah bin as-Somit *radiallahu anhu*, sesungguhnya Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

(( لَيْسَ مِنْ أُمَّتِي مَنْ لَمْ يُجَلِّ كَبِيرَنَا وَيَرْحَمْ صَغِيرَنَا وَيَعْرِفْ لِعَالِمِنَا حَقَّهُ ))

**Maksudnya:** *Bukanlah daripada kalangan umatku orang yang tidak menghormati orang yang lebih tua, tidak mengasihi orang yang lebih muda, dan tidak mengetahui hak para ulama (guru).*

*(Hadis riwayat Imam Ahmad).*

Hadis ini menekankan betapa pentingnya menjaga hubungan antara generasi, terutamanya antara pelajar dan pendidik.

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Dalam meniti arus pemodenan, kita sering terlepas pandang akan aspek rohani. Guru yang hebat tidak hanya melaksanakan tanggungjawab mengajar, malah menyuntik kesedaran ketuhanan dalam jiwa belia. Apabila seorang belia memahami bahawa setiap ilmu yang dipelajari adalah untuk mendekatkan diri kepada Allah *subhanahu wata'ala*, maka setiap langkahnya akan dipenuhi dengan keberkatan.

Kesejahteraan intelek pula bukan sekadar mengumpul sijil dan ijazah. Ia adalah tentang keupayaan berfikir secara kritis dan kreatif dalam menyelesaikan masalah ummah. Belia yang sejahtera intelegnya tidak akan mudah terpedaya dengan berita palsu atau ideologi yang menyimpang. Mereka mempunyai 'basirah' atau pandangan mata hati yang tajam.

Belia juga perlu sedar bahawa mereka mempunyai tanggungjawab sosial. Mereka bukan hidup dalam vakum. Keberadaan mereka di tengah masyarakat perlu dirasai manfaatnya. Guru-guru di sekolah dan universiti sentiasa menekankan aspek khidmat masyarakat

sebagai sebahagian daripada proses pembelajaran. Ini adalah latihan untuk membina empati dan rasa kasih sayang sesama insan.

Kita tidak boleh lari daripada teknologi. Guru-guru masa kini perlu menguasai teknologi digital untuk menarik minat belia. Belia zaman ini lebih cenderung kepada visual dan interaksi pantas. Namun, teknologi hanyalah alat. Jiwa pendidikan tetap terletak pada interaksi 'face-to-face' antara guru dan murid. Keberkatan ilmu mengalir melalui pandangan kasih sayang seorang guru dan adab penuh hormat seorang murid.

Oleh itu, marilah kita gunakan teknologi untuk menyebarkan nilai sejahtera. Gunakan platform media sosial untuk berkongsi nasihat agama, ilmu bermanfaat, dan berita kejayaan belia kita. Jangan biarkan ruang digital dipenuhi dengan sampah-sarap pemikiran yang merosakkan jiwa.

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Bersempena dengan sambutan Hari Guru dan Hari Belia Negara pada tahun ini, marilah kita muhasabah diri. Sejauh manakah kita telah berperanan dalam membina insan sejahtera? Jika kita seorang guru, laksanakanlah amanah dengan penuh integriti. Jika kita seorang belia, jadilah pencari ilmu yang dahagakan kebenaran. Dan jika kita masyarakat umum, jadilah penyokong tegar institusi pendidikan.

Sesungguhnya, usaha membina insan sejahtera adalah usaha berterusan yang memerlukan kesabaran yang tinggi. Guru-guru

mungkin tidak melihat hasilnya dalam masa sehari dua, tetapi benih yang disemai hari ini akan menjadi pohon yang rimbun di masa hadapan. Kepada para belia, jadilah pohon yang rimbun itu, yang memberikan teduhan kepada orang lain dan membuahakan hasil yang manis buat negara.

Marilah kita berdoa agar Allah *subhanahu wata'ala* sentiasa merahmati para guru kita, menguatkan semangat para belia kita, dan menjadikan negara kita aman makmur di bawah naungan keredaannya.

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Di penghujung khutbah pada hari ini, marilah kita mengambil beberapa pengajaran penting:

**Pertama:** Mencontohi Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* sebagai guru yang agung. Baginda mendidik dengan hikmah, lemah lembut, penuh kasih sayang dan tidak memalukan sesiapa. Jadikan sunnah Baginda sebagai model dalam mendidik anak dan masyarakat.

**Kedua:** Menghormati dan memuliakan guru sebagai pewaris tugas para nabi. Guru menyampaikan ilmu, membentuk akhlak dan membina masa depan ummah. Menghormati dan memuliakan guru adalah tanda kita mensyukuri nikmat ilmu.

**Ketiga:** Bersatu membina generasi berilmu dan berakhlak melalui pendidikan berhikmah. Ibu bapa, guru, masyarakat dan pihak berwajib hendaklah bekerjasama memupuk adab, akhlak, empati

dan tanggungjawab demi melahirkan insan sejahtera dunia dan akhirat.

Marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah al-Baqarah, ayat 151:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.  
كَمَا أَرْسَلْنَا فِيكُمْ رَسُولًا مِّنكُمْ يَتْلُوا عَلَيْكُمْ آيَاتِنَا وَيُزَكِّيكُمْ وَيُعَلِّمُكُمُ  
الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَيُعَلِّمُكُم مَّا لَمْ تَكُونُوا تَعْلَمُونَ (١٥١)

**Maksudnya:** *(Nikmat berkiblatkan Kaabah yang Kami berikan kepada kamu itu), samalah seperti (nikmat) Kami memutuskan kepada kamu seorang Rasul dari kalangan kamu (yaitu Muhammad), yang membacakan ayat-ayat Kami kepada kamu, dan membersihkan kamu (dari amalan syirik dan maksiat), dan yang mengajarkan kamu kandungan Kitab (Al-Quran) serta Hikmat kebijaksanaan, dan mengajarkan kamu apa yang belum kamu ketahui.*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ  
قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ  
وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH JUMAAT KEDUA

---

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ  
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ،  
فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Teruslah istiqamah menghidupkan masjid dan surau dengan solat fardu berjemaah dan majlis-majlis ilmu. Bimbinglah ahli keluarga kita agar tetap menjaga solat lima waktu.

Perkukuhkanlah perpaduan dengan sikap saling menghormati dan bekerjasama sesama masyarakat. Pastikan rezeki yang kita perolehi adalah halal lagi baik, agar hidup kita mendapat berkat. Daripada Abu Hurairah *radiallahu anhu* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* telah bersabda:

(( أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّ اللَّهَ طَيِّبٌ لَا يَقْبَلُ إِلَّا طَيِّبًا ... ))

**Maksudnya:** *Wahai manusia! Sesungguhnya Allah itu Maha Baik, dan Dia tidak menerima melainkan yang baik ...*

*(Hadis riwayat Imam Muslim)*

Hindarkanlah diri dan keluarga kita daripada segala perkara yang boleh memudaratkan seperti penyalahgunaan dadah, bahan inhalan dan ketum, perjudian serta segala bentuk maksiat. Semua ini hanya

membawa kepada kehancuran hidup dan meruntuhkan masa depan kita dan umat.

Pada hari yang mulia ini juga, perbanyakkanlah selawat ke atas Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* seperti yang diperintahkan oleh Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Ahzab, ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

**Maksudnya:** *Sesungguhnya Allah dan malaikat-Nya berselawat (memberi segala penghormatan dan kebaikan) kepada Nabi (Muhammad sallallahu alaihi wasallam); wahai orang yang beriman, berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya.*

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمُهْدِيِّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

**Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim,** bantulah saudara-saudara kami yang memerlukan bantuan di mana sahaja mereka berada, khususnya di bumi Gaza dan Asia Barat. Kurniakanlah mereka perlindungan, keamanan, dan kemenangan dengan rahmat-Mu, wahai Tuhan Yang Maha Pengasih.

**Ya Allah, Ya Ghaffaar,** ampunilah segala dosa-dosa kami, ibu bapa kami, keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kepada kami kesejahteraan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

**Ya Allah,** Kurniakanlah kecemerlangan pendidikan kepada anak-anak kami dalam apa sahaja bidang yang mereka ceburi. Tambahkan ilmu dan kemahiran yang bermanfaat kepada mereka, suburkanlah peribadi mereka dengan akhlak yang mulia dan terpuji. Jadikanlah anak-anak kami pemimpin dalam kalangan orang yang bertakwa.

**Ya Allah, Ya Hadi, Ya Hakim,** berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

**Ya Allah, Ya Hafiz,** Jadikanlah kami umat yang berintegriti, bersatu-padu, dan umat yang terbilang dalam semua bidang yang kami ceburi demi mendukung negara yang maju dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah. Kekalkanlah kesatuan kami dalam akidah, ibadah dan akhlak atas pegangan Ahli Sunnah Wal

Jama'ah. Limpahkanlah nikmat keselamatan, kesehatan, dan ketenangan, serta lindungilah kami daripada segala musibah, wabak dan bala yang tidak diinginkan.

رَبَّنَا أُنْتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ،  
أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ  
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ  
يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ  
اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.